



Untuk Terbitan Media

1 Oktober 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **PERKESO KUAT KUASA HAD SILING GAJI BAHARU BAGI MAKSUD CARUMAN MULAI 1 OKTOBER 2024**

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi agensinya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan menguatkuasakan siling gaji baharu bagi maksud caruman, mulai 1 Oktober 2024.

PERKESO memaklumkan, penguatkuasaan ini dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang melibatkan peningkatan had siling gaji bagi maksud caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan.

“Langkah meningkatkan siling gaji ini dapat memberi manfaat yang lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 20.2 peratus.

“Faedah-faedah tersebut adalah seperti Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Pencen Ilat dan Penakat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) dan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) di bawah Akta 800.

“Mulai 1 Oktober ini, amaun caruman yang akan terpakai bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800,” kata PERKESO dalam kenyataan, hari ini.

Sehubungan itu, PERKESO berkata bayaran caruman bermula 1 Oktober 2024 dan seterusnya hendaklah dibuat oleh majikan mengikut pindaan had siling gaji baharu.

“Majikan diminta untuk mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja masing-masing, bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan oleh PERKESO,” jelas PERKESO.

Dianggarkan 1.5 juta pekerja atau hampir 15.5 peratus daripada keseluruhan pencarum PERKESO di seluruh negara terlibat dalam peningkatan siling gaji ini yang merangkumi pekerja tempatan dan pekerja asing.

Sejak penubuhannya pada 1971 sehingga kini, sebanyak enam kali peningkatan siling gaji telah dilaksanakan dan langkah proaktif ini diambil selaras dengan kenaikan kos sara hidup dan kos menjalankan perniagaan (*cost of doing business*) yang perlu diimbangkan dengan pengagihan faedah serta risiko yang lebih adil kepada pencarum serta orang tanggungannya.

**Tamat**

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**1 Oktober 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ikliil Fatimah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

**[fatimah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatimah.redzuan@perkeso.gov.my)**